

Musa Hitam Dianugerah Gelaran TUN'

BEKAS Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Musa Hitam baru-baru ini telah dianugerah dengan gelaran 'Tun' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Per-tuan Agung di hari Keputera-an Baginda yang ke-63. Mu-sa yang kini bergelar Tun" pernah menjadi Menteri Pe-lajaran dan selepas bersara dilantik sebagai wakil nega-ra ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Beliau meletakkan jawa-lan sebagai Timbalan Perda-na Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1988 setelah berselisih faham dengan Perdana Men-teri ketika itu. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun).

Selepas meletakkan jawan, Musa meninggalkan negara dengan serta merta untuk pergi ke Mekah. Maj-lis Tertinggi UMNO yang mengadakan mesyuarat ter-gempar, membuat keputu-san menghantar tiga wakil MT yang terdiri dari mende-ri-menteri besar untuk me-

mujuik Musa kembali memegang jawatan, tetapi mere-ka gagal memujuk Musa.

Apapun Musa bersetuju untuk tidak melepaskan

jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO ketika itu.

Pada tahun 1987, Tun Musa bersama dengan bekas Menteri kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telah

bergabung tenaga untuk merebut jawatan Presiden UMNO dan Timbalan Presi-den UMNO yang dipegang oleh Datuk Seri Dr. Maha-thir Mohamad (Tun) dan Encik Abdul Ghafar Baba (Tun). Selepas meletakkan jawatan, Tun Musa tidak lagi aktif dalam politik teta-pi pernah dilantik sebagai Pengerusi SUHAKAM.

Apabila ditanya oleh *ERA BARU* apakah pera-saan beliau setelah menda-pat anugerah tersebut, be-liau menyifatkannya seba-gai satu penghargaan yang tinggi kepada beliau dan sesungguhnya beliau amat terharu dengan penganu-gerahan tersebut.

Sementara itu. Musa me-nyatakan bahawa beliau agak terperanjat, pada mula nya apabila mendapat pang-gilan telefon daripada Per-

dana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mencalonkan beliau tetapi jika itu kehendak Per-dana Menteri, beliau tidak mahu menolak.

